

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 12 / 12 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 16 | RUANGAN | Nasional |

Tabung Haji taja 2 Proton Preve

Kuala Lumpur: Majlis Tilawah Kebangsaan Ke-56 tahun depan, menawarkan dua Proton Preve masing-masing bagi johan qari dan qariah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kereta itu akan menjadi hadiah iringan kepada johan bersama hadiah utama iaitu piala iringan dan wang tunai.

“Hadiah kali ini ditaja Tabung Haji. Diharap hadiah sebegini dapat menarik dan mendorong lebih ramai peserta negara untuk mendalami al-Quran dan memperbaiki mutu bacaan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen Profesionalisme Pengurusan Masjid dan Surau, serta melancarkan Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid dan Surau di Wilayah Persekutuan, di Masjid Al-Imam Al-Ghazali, Kepong semalam.

Jamil Khir berkata, bermula Januari depan, seluruh 70 masjid dan 83 surau di Wilayah Persekutuan akan dinilai menerusi satu sistem penarafan berdasarkan garis panduan yang diedarkan.